

PM: Mekanisme salur subsidi secara tunai akan diumumkan

Oleh **OMAR ZIN**

omar.zin@mediamulia.co.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan mempertimbangkan pemberian subsidi menerusi pemindahan tunai secara terus kepada rakyat bagi memastikan bantuan itu benar-benar dinikmati golongan memerlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan mengumumkan mekanisme pemberian wang itu dalam masa terdekat.

"Cadangan untuk pindahan tunai sedang dipertimbangkan

untuk urusan-urusan lain dan mungkin akan diumumkan.

"Sama ada cara langsung kepada rakyat melalui pindahan tunai yang memang difikirkan dalam beberapa isu lain, kita akan umumkan (peruntukan) lebih besar bagi mengelakkan ketirisan dan manfaat kepada orang asing," katanya ketika sesi pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Shahrul Abdullah (BN-Paya Besar) mengenai cadangan mengedarkan wang tunai terus kepada rakyat

berbanding memberi subsidi kepada syarikat.

Namun, Perdana Menteri menafikan perubahan terhadap pendekatan subsidi untuk meminggirkan golongan berpendapatan tinggi dan 3.5 juta orang asing.

"Bukan soal saya anti maha kaya, bukan soal cukai tambahan kepada mereka, maksudnya subsidi itu tidak kepada golongan mahakaya, itu sahaja. Kalau pendapatan RM100,000 sebulan ke atas, subsidi tidak patut diberi kepada dia. Dalam konteks ini, bagaimana kita

boleh elak, dimanfaatkan semata-mata rakyat.

"Dia (pekerja asing) datang sini dapat gaji bukan subsidi, kita ada dasar munasabah dan adil kepada semua termasuk bukan warganegara, tapi, tidak harus mana-mana negara beri subsidi kepada warga asing, jadi, prinsip adalah subsidi dipulangkan kepada rakyat, subsidi ini macam sedekah, tak munasabah bagi sedekah kepada orang asing dan orang kaya, ini prinsip yang harus ada untuk penyasaran subsidi," katanya.